



SOALAN LAZIM (FAQ)

AGROFOOD INDUSTRY VACCINATION PROGRAMME (AiVAC)

A. SOALAN UMUM MENGENAI AiVAC

1. Apakah itu AiVAC?

Program ini merupakan satu inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk meningkatkan pengambilan vaksinasi dalam kalangan pekerja-pekerja serta individu yang terlibat dalam sektor agromakanan. Sektor ini telah dikategorikan sebagai salah satu sektor ekonomi yang kritikal (*essential services*) dan dibenarkan beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pelaksanaan program ini bertujuan untuk memudahkan usaha Kerajaan bagi mempercepatkan vaksinasi dan mencapai imuniti kelompok. Program ini juga dilaksanakan bagi melindungi kesejahteraan pekerja-pekerja dan seterusnya membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi serta rantai nilai makanan di Malaysia.

2. Siapakah kumpulan sasar yang boleh memohon untuk menyertai program ini?

Program ini boleh dimohon oleh Kumpulan Sasar Industri yang telah dikenal pasti dan berdaftar dengan mana-mana jabatan atau agensi di bawah MAFI iaitu syarikat, persatuan, pengusaha, entiti perniagaan / komersial dalam sektor agromakanan. Permohonan adalah bagi mendapatkan imunisasi berkelompok kepada pekerja masing-masing yang berdaftar, sama ada warganegara Malaysia atau pekerja asing yang berumur 18 tahun ke atas. Pekerja juga mestilah belum menerima sebarang suntikan atau temujanji bagi vaksin Covid-19.

3. Bagaimana cara untuk mendaftar dengan program ini?

Pendaftaran bagi menyertai program ini boleh dibuat melalui mana-mana jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) atau melalui pautan www.mafi.gov.my

4. Apakah jenis vaksin yang akan diberikan?

Jenis vaksin yang akan diberikan adalah tertakluk kepada stok yang akan dibekalkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).


5. Bagaimana AiVAC boleh dilaksanakan oleh pihak syarikat?

Syarikat / persatuan / pengusaha / entiti perniagaan / komersial dalam sektor agromakanan yang berminat untuk menyertai program ini boleh memohon pembukaan sebuah Pusat Pemberian Vaksinasi Industri (PPVIN) yang khusus sama ada di tapak (*on-site*) atau mana-mana lokasi yang bersesuaian. Pembukaan PPVIN ini juga boleh dibuat secara *mobile* melalui penyedia perkhidmatan yang dilantik.

6. Apakah syarat / kriteria untuk menubuhkan sesebuah PPVIN?

Antara syarat / kriteria yang ditetapkan ialah seperti berikut;

- i. Mempunyai sekurang-kurangnya 1000 pekerja yang berdaftar dengan syarikat.
- ii. Sebuah syarikat boleh bergabung dengan syarikat lain dalam kawasan yang sama untuk mendapatkan 1000 pekerja.
- iii. Mempunyai ruang yang cukup untuk menempatkan lima (5) stesen utama untuk PPV iaitu Pemeriksaan, Pendaftaran, Konsultasi, Vaksinasi dan Pemantauan sama ada di tapak atau mana-mana lokasi yang bersesuaian. Susun atur (*layout*) yang dicadangkan adalah seperti di bawah:



7. Berapakah kos yang terlibat dan perlu di tanggung oleh pihak syarikat?

Kerajaan menyediakan vaksin secara percuma kepada pekerja. Setiap pekerja akan menerima sebanyak dua (2) dos suntikan. Kos yang perlu ditanggung oleh pihak syarikat adalah kos pentadbiran vaksin kepada Protect Health sebanyak RM15.00 bagi setiap dos dan kos penyediaan PPV merangkumi kos-kos pentadbiran dan logistik. Kos ini berbeza bergantung kepada lokasi, ukuran, susun atur dan kos-kos lain untuk menyediakan tempat tersebut. Anggaran kos keseluruhan pembukaan sesebuah PPV secara on-site/berpusat adalah maksimum RM100. Manakala, bagi PPVIN bergerak/mobile, anggaran kos keseluruhan bergantung kepada lokasi dan kemudahan yang disediakan.

8. Sekiranya syarikat saya berminat untuk menyertai program vaksinasi melalui Model 2 ini, apakah tindakan yang perlu diambil?

Antara tindakan yang perlu di buat oleh pihak syarikat adalah seperti berikut;

- i. Menyediakan senarai nama dan jumlah pekerja yang akan diberikan vaksin, merangkumi pekerja tempatan dan warga asing.
- ii. Mengenalpasti kaedah pembukaan PPVIN samada on-site/berpusat/mobile.
- iii. Mengenalpasti cadangan lokasi dan layout pembukaan PPVIN
- iv. Mengenalpasti anggaran kos yang terlibat.
- v. Berhubung dengan mana-mana jabatan atau agensi di bawah MAFI yang terdekat bagi tujuan konsultasi dan penyertaan.

9. Siapakah yang boleh dirujuk untuk maklumat/pertanyaan lanjut?

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan :-

- i) Telefon : 03 88701415/1360
- ii) emel : aivacinfo@mafi.gov.my

Waktu Operasi pejabat adalah mulai 8.00 pagi hingga 5:00 petang

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Ogos 2021**